

07 AUG 1998

MIC (Analisis Berita)

MIC MAHU PERJELAS MASALAH EKONOMI KEPADA PERWAKILAN

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Ketika Perdana Menteri menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan kepada rakyat berhubung masalah ekonomi yang melanda negara dan usaha-usaha yang diambil bagi mengatasinya, MIC juga telah memulakan misi yang serupa, tetapi lebih tertumpu di kalangan pembuat dasar parti itu.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dijangka memusatkan ucapan presidennya pada perhimpunan agung ke-52 parti itu esok pada masalah-masalah ekonomi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasinya.

"Kami akan mengulangi sokongan dan kesetiaan kami kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usahanya mengatasi masalah ekonomi," kata Samy Vellu dalam satu temuramah di sini hari ini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata 1,350 orang perwakilan akan hadir pada perhimpunan agung itu dengan satu tekad -- "untuk menyokong dan menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara."

Perhimpunan agung sehari itu dijadual dirasmikan oleh Dr Mahathir di sebuah hotel di Subang Jaya di sini.

Samy Vellu berkata tumpuan perhimpunan akan lebih kepada langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani masalah ekonomi negara, terutama Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP).

Ia adalah satu perubahan yang jelas daripada mesyuarat MIC sebelum ini di mana tumpuan parti adalah kepada masalah dan keperluan masyarakat India.

"Kini, tumpuan kami hanyalah satu, untuk menyokong kerajaan dalam semua langkah bagi memastikan pemulihan segera ekonomi," kata Samy Vellu.

Beliau berkata satu resolusi berhubung perkara itu akan disahkan oleh para perwakilan pada perhimpunan itu.

Semasa perbahasan, para perwakilan dijangka menyuarakan kebimbangan dan kemarahan mereka terhadap "pakatan" oleh kuasa-kuasa luar untuk menjatuhkan pucuk pimpinan negara.

"Perkara ini dibangkitkan pada perhimpunan agung Umno yang lalu dan ia sudah tentu ditimbulkan oleh para perwakilan MIC," menurut seorang perwakilan.

Katanya perhimpunan itu mahu menyampaikan satu isyarat yang tegas kepada "mereka yang berkomplot" bahawa negara "bersatu padu di belakang Dr Mahathir."

Perhimpunan itu juga dijangka meluluskan pindaan kepada perlembagaan parti.

Menurut setiausaha agung MIC Tan Sri K.S.Nijhar, pindaan itu akan termasuk menambah jumlah anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang dilantik dari tujuh kepada sembilan orang. Selain jawatan yang dilantik, terdapat 23 anggota CWC yang dipilih.

Pindaan itu termasuk memberi lebih kuasa kepada pengerusi badan perhubungan MIC negeri untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam hal ehwal parti, kata Nijhar.

"Kita juga mencadangkan untuk menambah yuran keanggotaan seumur hidup dari RM100 kepada RM500," kata Nijhar.

Mengenai resolusi itu, Nijhar berkata ia akan termasuk memberi tumpuan kepada pendidikan, terutama untuk mendapatkan lebih banyak anggota menyertai Koperasi Didik Berhad, memberi perhatian kepada masalah pekerja

estet dan NERP.

Beliau juga berkata parti itu telah memutuskan untuk mengurangkan tempoh mesyuarat dari dua hari kepada sehari sebagai langkah berjimat cermat.

-- BERNAMA

ES AKD